Sorotan Penting

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2019

Institusi kewangan kekal berdaya tahan walaupun persekitaran lebih mencabar

Bank-bank serta syarikat insurans dan takaful mengekalkan penampan modal yang kukuh dalam keadaan keuntungan yang mampan

Sektor Perbankan

18.3% **Nisbah jumlah modal**
(Jun '19: 18.0%)

13.0% **Pulangan atas ekuiti**
(Jun '19: 13.0%)

Sektor Insurans dan Takaful

229% **Nisbah kecukupan modal**
(Jun '19: 230%)

2.6% **Pulangan atas pelaburan**
(Jun '19: 1.9%)

Mudah tunai mencukupi, disokong oleh sumber pendanaan yang stabil

Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR), Nisbah Pinjaman kepada Dana (LTF) dan Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti (LTFE)



Pasaran kewangan domestik terjejas oleh rintangan dari dalam dan luar negeri, namun pelarasan kekal teratur

Tekanan pasaran meningkat dengan nyata pada Mac 2020

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan

Tahap tekanan, %



Volatiliti pasaran meningkat dengan ketara dalam keadaan prospek pertumbuhan lebih lemah akibat pandemik COVID-19

Institusi kewangan berupaya mengurus risiko berikutan kedudukan terbuka bersih yang agak rendah, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai yang aktif

Isi rumah terus berupaya membayar balik hutang meskipun paras hutang mereka meningkat

Pertumbuhan hutang isi rumah didorong terutamanya oleh pembiayaan rumah

Penunjuk Hutang Isi Rumah

82.7% **Nisbah hutang kepada KDNK**
(Jun '19: 82.2%)

+5.3% **Pertumbuhan hutang keseluruhan**
(Jun '19: +5.1%)

+7.8% **Pertumbuhan pembiayaan rumah***
(Jun '19: +7.5%)

Risiko kepada sistem kewangan dikurangkan oleh penampan kewangan dan dedahan yang lebih rendah kepada isi rumah lebih mudah terjejas**

Penunjuk Utama Isi Rumah

2.2 kali **Nisbah aset kewangan kepada hutang**
(Jun '19: 2.2 kali)

1.2% **Nisbah pinjaman terjejas**
(Jun '19: 1.2%)

1.4 kali **Nisbah aset kewangan mudah cair kepada hutang**
(Jun '19: 1.5 kali)

17.6% **Hutang peminjam lebih mudah terjejas****
(% daripada jumlah hutang isi rumah)
(Jun '19: 18.5%)

* Sistem perbankan sahaja
** Peminjam berpendapatan kurang RM3,000 sebulan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Meskipun prospek perniagaan adalah mencabar, keupayaan membayar balik hutang kekal utuh

Kebanyakan syarikat masih mampu membayar balik hutang

Penunjuk Sektor Perniagaan



Langkah-langkah yang diumumkan akan membantu firma mengurus kesan COVID-19

- Penangguhan automatik bayaran balik pinjaman bagi PKS selama 6 bulan
- Bantuan kepada syarikat korporat untuk menangguh, menstruktur atau menjadualkan semula bayaran balik pinjaman
- Tabung BNM untuk PKS sebanyak RM13.1 bilion termasuk skim jaminan
- Kos pembiayaan yang lebih rendah berikutan penurunan OPR pada bulan Januari dan Mac 2020

Ujian tekanan mengesahkan keupayaan sektor perbankan dan insurans untuk menghadapi tekanan yang teruk

Simulasi kejutan KDNK lebih teruk berbanding dengan peristiwa tekanan lalu

Sisihan piawai daripada senario dasar



* Kejutan kumulatif merentas tempoh ujian tekanan

Penampan modal bank dan syarikat insurans mencukupi untuk menyerap potensi kerugian dan menyokong aktiviti pemberian pinjaman

Modal lebihan (RM bilion)



** Setakat bulan Februari 2020 bagi bank dan setakat akhir tahun 2019 bagi syarikat insurans

Rencana: Mengurus risiko perdagangan komoditi dalam urus niaga kewangan Islam

Amalan pengurusan risiko yang berkesan mengurangkan risiko perdagangan komoditi institusi kewangan Islam



* Oleh institusi kewangan Islam dan bursa atau broker komoditi

Sumber: Bank Negara Malaysia dan S&P Capital IQ